



PELAN

INTEGRITI

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

2016-2020

- Perutusan YB. Menteri Pengangkutan Malaysia3
- Kata-Kata Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia4
- Kata Penghantar - Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia5
- Perjalanan Semakan Pelan Integriti JPJ 2016-20206
- Kerangka Trasformasi Kementerian Pengangkutan7
- Model Transformasi Kematangan Pembudayaan Integriti JPJ8
- Objektif Pelan Integriti JPJ9
- Rukun Nilai Integriti Model QALBU 10
- Pelan Integriti JPJ- Jangka Masa Pendek & Panjang 11
- Strategi Pelan Integriti JPJ 12
- Strategi 1: Memantapkan Kecekapan & Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik 13
- Strategi 2: Meningkatkan Kecekapan & Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan..... 17
- Strategi 3: Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Rasuah, Penyelewengan
& Salahguna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti..... 19
- Strategi 4: Memantapkan Pentadbiran Sistem Keadilan & Pengurusan Tatatertib21
- Strategi 5: Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia 24
- Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan & Penilaian PIJ 2016-2020 26
- Struktur Pemantauan & Pelaksanaan PIJ 2016-2020 27
- Penutup 28

Perutusan YB. Menteri Pengangkutan Malaysia



Selamat sejahtera,

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia telah banyak mengecapi kejayaan demi kejayaan hasil peningkatan kualiti penyampaian sektor perkhidmatan awam yang progresif. Walau bagaimanapun, kejayaan yang dikecapi ini tidak akan membawa makna seandainya tidak dapat dinikmati oleh setiap denyut nadi warga negara Malaysia yang telah turut sama menyumbang dalam kepesatan pembangunan, ekonomi dan sosial yang dirasai kini. Perkara tunjang dalam memastikan kesinambungan kejayaan dan kecemerlangan adalah dengan membudayakan perkhidmatan yang bermoral, beretika tinggi, dan berintegriti.

Menyedari terdapat peningkatan kadar salah guna kuasa dan rasuah di Malaysia seperti yang dilaporkan dalam keputusan paras Corruption Perception Index (CPI), Kementerian Pengangkutan telah menggembeleng tenaga dan idea mewujudkan Pelan Integriti Jabatan Pengangkutan Jalan (PIJ) dalam memastikan perkhidmatan kepada masyarakat disampaikan dengan telus dan berintegriti.

Saya percaya bahawa PIJ amat diperlukan dalam mewujudkan persekitaran kondusif bebas rasuah, penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa selaras dengan perisytiharan “Tahun Integriti” oleh Kementerian Pengangkutan.

Semoga segala usaha murni ini dapat memacu, dan meningkatkan imej Jabatan Pengangkutan Jalan, serta disenangi rakyat.

“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

YB. Dato’ Sri Liow Tiong Lai
Menteri Pengangkutan

Kata-Kata Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa menghadapi cabaran dalam memenuhi peningkatan permintaan dan ekspektasi oleh pelanggan dan pihak berkepentingan. Paradigma baharu dalam konteks yang dinyatakan dalam Pelan Transformasi Negara bahawa penjawat awam perlu lebih dinamik dan tangkas dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang fleksibel. Ketangkasan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan ini perlu seiring dengan pengukuhan kewibawaan organisasi yang tidak mengamalkan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Oleh itu, JPJ perlu mengambil langkah mengubah struktur organisasi dan proses kerja dengan mengoptimumkan sumber manusia yang bebas daripada gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Penyediaan Pelan Integriti Jabatan Pengangkutan Jalan (PIJ) adalah langkah tepat dalam membuktikan kepada masyarakat bahawa integriti, etika, dan nilai moral adalah budaya penyampaian perkhidmatan kakitangan dan pegawai JPJ.

Saya percaya dengan pelaksanaan PIJ akan dapat membanteras kes-kes penyelewengan dan gejala rasuah di JPJ, seterusnya dapat meningkatkan imej serta maruah JPJ sebagai organisasi pengangkutan jalan yang berintegriti, dan disegani.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Kata Pengantar Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi dan syabas kepada semua yang terlibat, khususnya kepada Jawatankuasa Kerja Pelan Integriti Jabatan Pengangkutan Jalan (PIJ) yang diselaraskan Bahagian Integriti JPJ atas kejayaan menghasilkan pelan ini. Penerbitan Pelan PIJ merupakan satu usaha dalam memantapkan pembudayaan integriti JPJ selaras dengan Dasar Transformasi Negara bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Tahun 2016 ini telah melonjakkan JPJ ke satu tanda aras baharu iaitu dari agensi tiga (3) bintang pada tahun 2014 dan sebelumnya kepada agensi bertaraf lima (5) bintang pada tahun 2016. Sesungguhnya, pengiktirafan lima (5) bintang oleh MAMPU kepada JPJ bagi tempoh 2015 – 2016 ini memberikan makna yang besar ke atas kejayaan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program oleh seluruh warga kerja JPJ. Saya percaya salah satu kunci kecemerlangan ini adalah disumbangkan oleh perencanaan dan pembudayaan nilai integriti yang berterusan di semua peringkat urus tadbir JPJ.

Mendepani transformasi perkhidmatan awam turut membawa bersama-samanya peningkatan ekspektasi pelanggan kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan. JPJ sebagai salah satu Jabatan yang dipertanggungjawabkan secara khusus dalam penguatkuasaan, pendaftaran dan pelesenan kenderaan motor serta pemandu perlu sentiasa bergerak dan mengambil langkah pencegahan seperti elemen “prevention is better than cure” iaitu dengan menutup elemen- elemen yang memberi ruang dan peluang untuk salah laku integriti, rasuah, penyelewengan, dan penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, saya yakin PIJ yang dihasilkan melalui beberapa siri bengkel dan analisis komprehensif serta dibantu oleh SPRM dengan matlamat “closing the loop” ini akan mampu memacu penambahbaikan rangka kerja sistem penyampaian JPJ yang berkualiti dan berintegriti tinggi.

Sesungguhnya saya berharap penerbitan dan pelaksanaan PIJ ini dapat meletakkan JPJ bukan sahaja relevan tetapi menjadi sebuah agensi yang terkenal dan unggul dengan warga kerja yang komited, berintegriti, telus dan mengekalkan profesionalisme yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan JPJ untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Dato' Sri Nadzri Siron
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

Perjalanan Semakan Pelan Integriti JPJ 2016-2020

01

Pengurusan Tertinggi Jabatan mengarahkan Pelan Integriti JPJ disemak dan diperbaharui selaras dengan agenda transformasi integriti Jabatan dan kerangka tranformasi Kementerian Pengangkutan.

02

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKP (P) pada Mei **2016** telah memutuskan supaya setiap bahagian memulakan inisiatif bagi menyemak dan menyediakan Pelan Integriti Jabatan (PIJ) yang baharu yang akan diselaraskan oleh Bahagian Korporat & Perancangan Strategik dan Bahagian Integriti JPJ.

03

Bengkel PIJ telah diadakan pada **30 hingga 31 Mei 2016** yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKP (O) bersama semua Bahagian bertempat di Bahagian Teknologi Maklumat JPJ Cyberjaya.

04

Bengkel semakan deraf PIJ bersama Pegawai Perunding Institut Integriti Malaysia (IIM), dan semua Bahagian telah diadakan pada 8 September **2016** dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKP (O) bertempat di Bahagian Teknologi Maklumat JPJ Cyberjaya.

05

Deraf PIJ telah dibentangkan kepada pelajar sarjana pengajian rasuah Universiti Kebangsaan Malaysia pada **21 Oktober 2016** di Ibu Pejabat JPJ Putrajaya. Pembentangan tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan perspektif pihak berkepentingan berhubung PIJ.

06

Sesi moderasi bersama warga kerja JPJ kelantan telah diadakan pada **6 November 2016** di JPJ Kelantan bagi menilai jurang dan mendapatkan input untuk penambahbaikan PIJ.

07

Deraf PIJ telah dimurnikan pada 6 hingga 8 November **2016** bersama Pegawai Institut Integriti Malaysia (IIM), dan pihak urusetia PIJ di JPJ Kelantan.

08

Pada 1 Disember 2016, deraf PIJ telah diedarkan kepada semua pengarah Bahagian dan Negeri untuk mendapatkan maklum balas sebelum pelaksanaannya.


09

Pada 14 & 15 Disember 2016, deraf PIJ telah dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan JPJ.


10

Pada 11 Januari 2017, deraf akhir PIJ telah dibentang dan diluluskan oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Pengarah untuk pelaksanaannya.

Kerangka Transformasi Kementerian Pengangkutan



Model Transformasi Kematangan Pembudayaan Integriti JPJ



Objektif Pelan Integriti JPJ 2016-2020



- Mempertingkatkan urus tadbir ke arah pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- Memantapkan imej korporat dan komunikasi Jabatan melalui pengukuhan nilai bersama, pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika profesionalisme warga JPJ yang berintegriti dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan.
- Merancang dan melaksanakan inisiatif integriti, tindakan pencegahan dan pemulihan bagi memerangi jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan JPJ secara berterusan.

Mempraktikkan Amalan Kerja Terbaik

“Kita mestilah melakukan yang terbaik untuk rakyat, maknanya memenuhi jangkaan rakyat, sebuah perkhidmatan yang menjanjikan perkhidmatan yang memudahkan, cepat, lebih **transparent** dan lebih responsif kepada rakyat.”

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2014)

Rukun Nilai Integriti Model QALBU

Dalam konteks PIJ ini, aspirasi rukun nilai integriti dengan model QALBU digambarkan sebagai pernyataan ikrar integriti warga bertujuan memberikan gambaran umum dan ringkas, bersifat simbolik, tafsiran dan substantif yang membayangkan lima (5) hasrat akhir yang menjadi misi transformasi integriti melalui; (1) mencipta semangat kebersihan jiwa dalam penyampaian; (2) membentuk struktur identiti dan jati diri warga dengan nilai-nilai murni dan bertanggungjawab; (3) mencetuskan stimulasi komunikasi pelanggan yang positif dan berketrampilan; (4) membangunkan sifat profesionalisme dan; (5) mengukuhkan personaliti insan yang seimbang dari segi spiritual dan intelektual warga.



Firman Allah SWT:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

(Surah Al-Nahl:97)



Bagi tempoh pelaksanaan 2016 - 2020

Kreativiti Dan Inovasi

“Mahu tidak mahu para penjawat awam mesti berfikir di luar lingkungan kotak. Saya tidak mahu budaya automasi menjadi satu hakikat kehidupan dalam sektor awam. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman”
Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2014)



**BERKHIDMAT
BERINTEGRITI**



LAKUKAN PERKARA YANG BETUL WALAUPUN TIADA SIAPA YANG MELIHAT

STRATEGI 1: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS TERBAIK

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
1.	Mendapatkan persijilan MS ISO	<p>Memenangi Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM).</p> <p>Mengekalkan pencapaian taraf 5 Bintang <i>System Star Rating</i> (SSR).</p> <p>Mencapai Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan.</p> <p>Meningkatkan kualiti sistem tadbir urus terbaik dan berkesan.</p>	Semua warga jabatan.	<p>Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik.</p> <p>Bahagian Integriti</p>	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Jawatankuasa Persijilan MS ISO • Penetapan Term of <i>Reference</i> (TOR) Jawatankuasa Persijilan MS ISO • Penubuhan Pasukan Khas bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Memenangi AIPM; ii. Mencapai taraf 5 Bintang SSR; iii. Mencapai Indeks Akauntabiliti Kewangan Jabatan. • Menyelaras dan menyemak penetapan KPI aktiviti utama <i>core business</i>. • Mengemaskini Fail Meja, Manual Prosedur Kerja dan SOP.
2.	Penetapan <i>Key Performance Index</i> (KPI) yang jelas & nyata.	<p>Semua Arahkan Jabatan, Pekeliling, SOP dipatuhi.</p> <p>Pemantapan kaedah pemantauan pegawai penyelia.</p>	Semua warga jabatan.	Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan dokumen kaedah-kaedah pemantauan pegawai penyelia.

BIL	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
3.	<p>Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan jabatan dan agensi luar:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (memperbaharui <i>MOU</i> sedia ada). - Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) (memperbaharui <i>MOU</i> sedia ada). - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). - Polis Diraja Malaysia (PDRM). - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP). 	Memperkasakan kerjasama strategik dengan agensi luar.	Semua warga jabatan.	Bahagian Integriti.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti jabatan dan agensi bagi kerjasama strategik. • Menyemak dan menilai <i>MOU</i> sedia ada. • Menyediakan draf <i>MOU</i>. • Mengadakan majlis menandatangani <i>MOU</i>.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
4.	Program 'Saya Sayang JPJ'	Memperkuatkan penghayatan visi, misi dan objektif jabatan. Membudayakan nilai-nilai sejabat jabatan.	Semua warga jabatan.	Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Menyelaras, menilai, menyemak dan memperbaharui Kod Etika dan Tatakelakuan Jabatan. Mengenalpasti dan memberikan penghargaan kepada pegawai yang mempunyai etika dan tatakelakuan terpuji. Melaksanakan sistem pesanan integriti secara berterusan (kata-kata hikmah, banner, logo, lencana, iklan, moto) yang bertemakan integriti.
5.	Program Pengurusan Audit Nilai: - Perjawatan. - Kewangan. - Hasil. - Penguatkuasaan.	Meningkatkan kemahiran aplikasi pegawai dan kakitangan mengenai pelaksanaan sistem mySIKAP dan SOP. Meningkatkan imej jabatan dan mengurangkan teguran audit.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan. (Perjawatan) Bahagian Kewangan. (Perolehan) Bahagian Hasil. (Hasil) Bahagian Penguatkuasa. (Penguatkuasaan) JPJ Negeri.	2017-2020	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan pemeriksaan audit secara berkala. Melaksanakan Kursus Pengurusan Kewangan dan Tatacara Perolehan.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
6.	Memperkasakan Pasukan Petugas Integriti dan Petugas Siasatan.	Melengkapkan siasatan dalam tempoh yang ditetapkan. Meningkatkan kemahiran dan profesionalisme petugas siasatan.	Pegawai Integriti.	Bahagian Integriti. JPJ Negeri.	2017-2020	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti kursus-kursus berkaitan yang perlu diikuti oleh pegawai penyiasat • Mengemaskini SOP siasatan petugas integriti.

STRATEGI 2: MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
1.	Meningkatkan urusiaga atas talian.	<p>Memberikan perkhidmatan dengan lebih efisien dan pantas.</p> <p>Meningkatkan bilangan urusiaga atas talian.</p>	Semua warga jabatan dan orang awam.	Bahagian Teknologi Maklumat.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Meningkat perkhidmatan dalam talian dengan sasaran: <ul style="list-style-type: none"> - 65% tahun 2017 - 70% tahun 2018 dan seterusnya Mengurangkan penggunaan borang. Meningkatkan integrasi data dengan rakan niaga. Menghapuskan proses manual.
2.	<p>Pemantapan Perkhidmatan Kaunter.</p> <p>Penyelia Berkualiti Peneraju Integriti</p>	<p>Meningkatkan kemahiran aplikasi pegawai dan kakitangan mengenai pelaksanaan sistem mySIKAP dan SOP.</p> <p>Meningkatkan imej jabatan dan mengurangkan teguran audit.</p> <p>Memberikan perkhidmatan yang profesional, berkualiti dan mesra pelanggan.</p>	Semua warga jabatan.	<p>Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik.</p> <p>JPJ Negeri.</p> <p>Bahagian Integriti.</p>	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sistem <i>rating (rate me)</i> di setiap kaunter bagi pelanggan menilai tahap perkhidmatan yang diberikan. Memilih petugas <i>front liner</i> yang berketerampilan dari segi fizikal dan mental. Mengadakan <i>MysteryShopping</i>. Mengadakan taklimat/kursus/ Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi kemahiran pelaksanaan SOP Pegawai penyelia memantau dan membudayakan <i>briefing</i> dan <i>debriefing</i> kepada petugas.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
3.	Meningkatkan Keberkesanan Sistem Pengurusan Aduan.	Meningkatkan Pengurusan Aduan dengan lebih efektif dan telus kepada pelanggan.	Semua warga jabatan/orang awam.	Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik. JPJ Negeri	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan SOP Pengurusan Aduan. Laporan penilaian aduan/maklumbalas dijadikan sebagai agenda Mesyuarat Pengurusan. Menambahbaik saluran aduan integriti di Portal JPJ.
4.	Kajian Penilaian Integriti dalam Sistem Penyampaian.	Menilai tahap kepuasan pelanggan berkaitan integriti bagi mengenal pasti kelemahan untuk penambahbaikkan.	Semua warga jabatan dan orang awam.	Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik. Bahagian Integriti	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Jawatankuasa kajian secara kolaborasi dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pihak berkepentingan berkaitan Melaksana dan menambahbaik sistem penyampaian berdasarkan kepada hasil laporan kajian.

STRATEGI 3: MELAKSANAKAN PROGRAM KESEDARAN MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAHGUNA KUASA SERTA MENINGKATKAN INTEGRITI

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/ TINDAKAN	TEMPOH/ SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
1.	Membentuk Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan (PPRRJ).	Mewujudkan persekitaran kondusif bebas rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	Semua warga jabatan.	Bahagian Integriti JPJ Negeri	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah JPJ.
2.	Ikrar Integriti Korporat (CIP) dengan Rakan Niaga Jabatan.	Membudayakan nilai-nilai integriti di kalangan rakan niaga supaya lebih telus, amanah dan berintegriti.	Semua rakan niaga jabatan.	Bahagian Integriti.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti rakan niaga yang mempunyai potensi untuk melaksanakan CIP: <ul style="list-style-type: none"> e-Khidmat (myEg/ KOMMS/ mySpeed). Pembekal Perkhidmatan (FIS/ Financial Link/ e-Auto). Syarikat Pengedar kenderaan (e-Daftar). Persatuan Pengusaha Lori. Bengkel Berdaftar Syarikat Insurans Membangunkan kod etika perniagaan bagi rakan niaga jabatan.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
3.	Mempertingkatkan penggunaan media sosial.	Memberikan maklumat terkini kepada masyarakat bagi menangani persepsi negatif dan salah lapor terhadap jabatan dengan cekap dan pantas.	Semua warga jabatan.	Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik. Semua Bahagian JPJ Negeri.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan maklumat terkini, tepat, cepat dan sahih kepada masyarakat melalui siaran media, portal jabatan, media sosial. Mewujudkan petugas khas dan pasukan pemantau (<i>cyber trooper</i>) khusus untuk menangani maklumat yang tidak tepat dan palsu. Mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana orang yang menyebarkan maklumat palsu.
4.	Program 'Kesedaran Integriti'.	Melahirkan warga jabatan yang membudayakan nilai-nilai murni dan integriti.	Semua warga jabatan.	Bahagian Integriti. JPJ Negeri.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan program lawatan <i>best practices</i> bagi amalan integriti korporat (awam/swasta). Menjalankan program peningkatan kesedaran integriti (kursus integriti, <i>team building</i>, ceramah, seminar dan forum integriti). Menambah bilangan pegawai integriti bertauliah (CEIO).

STRATEGI 4: MEMANTAPKAN PENTADBIRAN SISTEM KEADILAN DAN PENGURUSAN TATATERTIB

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
1.	Program Pengurusan Tatatertib Jabatan	Memastikan pentadbiran keadilan dan ketelusan prosiding tatatertib yang lebih berkualiti dan profesional. Memantapkan pengurusan dan pentadbiran sistem keadilan dan tatatertib jabatan.	Lembaga Tatatertib & Urusetia Tatatertib.	Bahagian Integriti. JPJ Negeri.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Memperkemaskan struktur Unit Tatatertib Mengadakan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada pegawai Unit Tatatertib Jabatan. Menyediakan SOP pengurusan tatatertib Pemantauan Bengkel/ kursus
2.	Program Klinik Psikologi.	Membantu warga jabatan yang mempunyai masalah psikologi.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti warga jabatan yang bermasalah yang memerlukan khidmat nasihat dan kaunseling. Menyediakan program pemulihan secara menyeluruh bagi menangani isu warga bermasalah Menjadualkan program bagi menangani isu warga bermasalah. Program Kaunseling dan Rakan Pembimbing (AKRAB). Program Whistle Blower Act 2010.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
3.	Mementapkan Program Kesedaran Pelaksanaan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat Tahun 2010 (Akta 711).	Meningkatkan keyakinan kepada warga jabatan untuk memberi maklumat atau membuat aduan mengenai sesuatu kelakuan tidak wajar dalam jabatan.	Semua warga jabatan.	Bahagian Integriti. JPJ Negeri	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini SOP Pelaksanaan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat Tahun 2010 (Akta 711). • Mewujudkan <i>training of trainer</i> (TOT) bagi mempromosikan Akta 711.
4.	Program Pemantapan Pengurusan Penilaian Prestasi.	Memastikan penilaian prestasi dibuat secara lebih telus, adil dan saksama.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan JPJ Negeri.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuhkan pelaksanaan garis panduan berhubung penetapan Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). • Menyampaikan taklimat mengenai kaedah mengisi penilaian kepada Urusetia/PYD/PPP/PPK mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam penilaian prestasi. • Menjalankan semakan semula ke atas pemarkahan oleh PPSM. • Melaksanakan Dasar Pemisah bagi pegawai berprestasi rendah yang memperoleh 60 markah ke bawah.

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
5.	Pengurusan Pengisytiharan Harta dalam sistem HRMIS.	Memastikan semua warga Jabatan membuat pengisytiharan harta dalam tempoh masa yang ditetapkan. Memastikan tanggungjawab pegawai untuk mengisytiharkan harta.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan. JPJ Negeri.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeluarkan pemakluman/ surat peringatan untuk memperbaharui perubahan pengisytiharan harta. • Mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal membuat pengisytiharan. • Membuat pemantauan secara berkala ke atas gaya hidup pegawai di bawah seliaan. • Pegawai baharu yang melaporkan diri di jabatan dikehendaki mengisytiharkan harta.

STRATEGI 5: MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
1.	Sistem pengambalian pegawai dan anggota baharu JPJ berdasarkan penilaian komponen integriti dan kerohanian. Mengemukakan syarat-syarat tambahan pelatih baharu	Memastikan hanya calon-calon yang berintegriti dan kompeten diambil berkhidmat.	Semua gred bagi jawatan Bukan Gunasama .	Bahagian Khidmat Pengurusan.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan SOP pengambilan pelatih baharu dengan penetapan kriteria: <ul style="list-style-type: none"> - Ujian Kenegaraan. - <i>Psychometric Test (Integrity Test)</i>. - Ujian Fizikal dan kecergasan. - Tapisan dadah.
2.	Program Pembangunan kompetensi berasaskan pengetahuan dalam bidang generik & fungsional	Melahirkan pegawai yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran perundangan.	Semua Gred bagi Jawatan Bukan Gunasama.	Bahagian Khidmat Pengurusan.	2017 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti keutamaan program latihan supaya sejajar dengan dasar jabatan. Menganjurkan Bengkel kerjaya. Mengenal pasti calon yang kompeten melalui kaedah saringan berteraskan kompetensi.
3.	Program Pemantapan Integriti.	Melahirkan warga JPJ yang memiliki jati diri utuh (bermodelkan Qalbu)	Semua warga jabatan.	Akademi Pengangkutan Jalan.	2017 -2020	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan modul berteraskan pengisian model QALBU

BIL.	PROGRAM	MATLAMAT	KUMPULAN SASAR	PELAKSANA/TINDAKAN	TEMPOH/SASARAN	TINDAKAN PERLU DILAKSANAKAN
4.	Sistem Penempatan Berkesan.	Mengelakkan berlakunya rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan.	2017 -2020	<ul style="list-style-type: none"> ● Melaksanakan Pelan Penggantian Jabatan bagi jawatan-jawatan strategik.
5.	Program Pengurusan Bakat.	Memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat mempunyai kemahiran yang tinggi.	Semua warga jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	2017 -2020	<ul style="list-style-type: none"> ● Membangunkan Pelan Pembangunan Kerjaya Pegawai. ● Melaksanakan sistem tapisan kenaikan pangkat berdasarkan penilaian kompetensi (PPK) dan profil integriti. ● Dasar penempatan dan pusingan kerja yang sistematik dan berstruktur berdasarkan kemahiran pegawai.

Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan & Penilaian PIJ 2016-2020

Mekanisme Pelaksanaan

- a. Melaksanakan kesedaran pengurusan PIJ melalui laman web secara berkala, seminar dan juga mesyuarat pengurusan tertinggi.
- b. Status pencapaian pelaksanaan PIJ akan disalur dan dihebahkan melalui semua program Jabatan.
- c. Memastikan setiap Bahagian membangunkan SKT Bahagian sejajar dengan PIJ sebagai panduan pelaksanaan program bahagian-bahagian.
- d. Melaksanakan PIJ mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan terhadap setiap strategi dan program.

Pemantauan

PIJ ini akan dipantau secara berkala bagi memastikan pelaksanaan pelan berdasarkan halatuju yang telah ditetapkan agar matlamat utamanya transformasi integriti dapat dicapai untuk memastikan JPJ bebas daripada risiko rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Semua Pengarah dan Ketua Bahagian perlu memastikan perancangan dan penyampaian di bahagian dan jabatan masing-masing adalah berdasarkan PIJ 2016-2020.

Semua Pengarah dan Ketua Bahagian perlu terlibat dalam pemantauan dan penilaian program/aktiviti diperingkat bahagian dan jabatan masing-masing.

Laporan pelaksanaan program akan dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan & JITU dari semasa ke semasa.


Penilaian

Jawatankuasa Pengurusan PIJ akan bersedia sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk menilai tahap pelaksanaan PIJ ini.

Bagi Program yang tidak mencapai sasaran, jawatankuasa akan membentuk *taskforce* bagi memastikan mencapai sasaran seperti ditetapkan; dan

Jawatankuasa Pengurusan PIJ akan melaksanakan kajian semula PIJ bagi menyelaraskan hala tuju dan strategi yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa.

Struktur Pemantauan & Pelaksanaan PIJ 2016-2020



Penutup

Pelan Integriti JPJ (PIJ) ini merupakan *blueprint* yang menggariskan 5 Teras Strategi, 30 Program PIJ bagi mencapai agenda *human transformation* di JPJ. Kejayaan pelaksanaan program yang dirancang bagi menyokong dan mencapai objektif teras strategi memerlukan kerjasama dan kolaboratif antara pihak Pengurusan dan pelaksana di semua peringkat dalam Jabatan.

Usaha merentasi sempadan antara warga organisasi dan dalam urus tadbir penyampaian yang telah dilaksanakan perlu diteruskan bagi memantapkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan berintegriti dan seterusnya mencapai aspirasi menjadi agensi lima bintang. Pelan ini perlulah dipantau dan disemak semula selepas dua tahun pelaksanaannya bagi memastikan penajaran dengan hala tuju Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam dan Pelan Integriti Nasional.

Pelaksanaan pelan ini juga memerlukan kepimpinan dan tadbir urus yang kolaboratif dan dinamik. Ini bagi memastikan usaha yang dijalankan adalah berterusan bagi kemampanan pembangunan inisiatif integriti yang dirancang. Pihak pengurusan perlu komited dalam menyokong strategi yang telah direncanakan. Matlamat pelan ini ke arah Jabatan yang sifar rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dengan perkhidmatan yang berintegriti kepada rakyat menjadi fokus utama ke arah menjadi Jabatan yang bukan sahaja relevan tetapi sebuah Jabatan yang mempunyai budaya penyampaian perkhidmatan unggul selaras dengan Wawasan 2020.

Nilai Tambah Dan Kompetensi

“Kepelbagaian kaedah dan pendekatan baharu yang mempunyai nilai tambah ini hendaklah sentiasa difikirkan bagi memantapkan dan mengukuhkan organisasi. Pastinya, gerak kerja sebegini akan meningkatkan kompetensi dan jatidiri pekerja serta organisasi untuk bersaing dalam pentas yang lebih besar lagi”

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak (2014)